

Kedudukan Baitulmal Sebagai Waris Asabah Menurut Syariat Islam dan Amalan di Negeri Terengganu

BITARA

Volume 5, Issue 4, 2022: 058-070
© The Author(s) 2022
e-ISSN: 2600-9080
http://www.bitarajournal.com
Received: 25 Jun 2022
Accepted: 27 October 2022
Published: 11 November 2022

[Bayt al-Mal's Position as Asabah's Heir according to Islamic Laws and Practices in Terengganu]

Mohd Ali Mohd Yusuf,¹ Hishamuddin Salim² & Fauzi Yusoh¹

1 Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA.
E-mail: abuhannan@unisza.edu.my; fauzi@unisza.edu.my

1 Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Sultan Zainal Abidin, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA.
E-mail: hishamuddin@unisza.edu.my

* Corresponding Author: abuhannan@unisza.edu.my

Abstrak

Baitulmal memainkan peranan yang sangat besar dalam memelihara dan menguruskan harta awam milik umat Islam. Dananya datang daripada pelbagai sumber, antaranya melalui perwarisan harta pusaka secara asabah bagi kes kematian yang tidak mempunyai waris asabah. Sebagai timbal balas ia memainkan peranan seumpama waris asabah dalam menanggung 'diyyah' pembunuhan orang Islam dan melunas hutang mutlak si mati yang tidak mampu menjelaskan kembali hutang tersebut dengan harta peninggalannya. Peranan ini semakin terpinggir setelah berakhirnya era khulafa' ar-Rasyidin. Justeru itu, ulama terkemudian mazhab Syafi'i seperti al-Imam al-Nawawi telah mengambil pendirian untuk menggugurkan kedudukan baitulmal sebagai pewaris asabah. Secara umumnya, negeri-negeri di Malaysia termasuk negeri Terengganu masih berpegang dengan pendapat asal mazhab Syafi'i yang memberikan bahagian lebih selepas diambil waris kadar kepada baitulmal. Kajian ini bertujuan untuk melihat konsep baitulmal di Terengganu sebagai penerima harta pusaka orang Islam yang tidak meninggalkan waris asabah dan amalan pengurusan harta amanah ini bagi kepentingan umat Islam. Kajian ini menggunakan kaedah kajian kualitatif yang dilaksanakan melalui proses semakan dokumen, dan temubual dengan kakitangan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM). Data-data yang diperolehi dianalisis secara kritis menggunakan kaedah induktif, deduktif, komparatif dan konseptual. Hasil kajian merumuskan hak baitulmal sebagai waris asabah tidak dinafikan statusnya oleh syarak. Walau bagaimanapun dari sudut peruntukan undang-undang, peranan dan pelaksanaan hak perwarisan ini ke atas umat Islam masih terdapat kelemahan yang boleh diperbaiki, apatah lagi sumber yang diperolehi melalui kedudukannya sebagai waris asabah adalah lumayan dan mampu menjana ekonomi umat Islam.

Kata kunci: Bayt al-Mal, Asabah, Inheritance, The Administration of Islamic Religious Affairs Enactment, State of Terengganu.

Abstract

Bayt al-mal plays a huge role in preserving and managing public property belonging to Muslims. The funds come from various sources, among them is through the bequeathing of inheritance as asabah for cases of death that do not have asabah as heirs. In return, it plays the role of an asabah Kin bearing the 'diyyah' of killing Muslims and repaying the absolute debt of the deceased who are unable to repay the debt with his estate. This role became increasingly marginalized after the end of the Khulafa' ar-Rashidin era. Therefore, later scholars of the Shafi'i school such as al-Imam al-Nawawi have taken a stand to drop the position of Bayt al-mal as the inheritor of asabah. However, some states in Malaysia including Terengganu still adhere to the original opinion of the Shafi'i school which gives the surplus share after taking the inheritance rate to Bayt al-mal. This study aims to look at the concept of Bayt

al-mal in Terengganu as the recipient of the inheritance of Muslims who do not have asabah heirs and the practice of managing this trust property for the benefit of Muslims. This study uses a qualitative research method which is carried out through document analysis and interviews with the staff of the Terengganu Islamic Religious Council and Malay Customs (MAIDAM). The data obtained are analyzed critically using inductive, deductive, comparative, and conceptual methods. The results of the study concluded that Bayt al-mal's status as an asabah is not denied by the shari'a. However, based on the provisions of the law, there are still weaknesses that can be improved in the role and implementation of this inheritance right on Muslims, not to mention the resources obtained through their position as heirs of asabah are lucrative and capable of generating the economy of Muslims.

Keywords: Baitulmal, Waris Asabah, Pusaka, Enakmen Pentadbiran Agama Islam, Negeri Terengganu

Cite This Article:

Mohd Ali Mohd Yusuf, Hishamuddin Salim & Fauzi Yusoh. (2022). Kedudukan Baitulmal Sebagai Waris Asabah Menurut Syariat Islam dan Amalan di Negeri Terengganu [Bayt al-Mal's Position as Asabah's Heir according to Islamic Laws and Practices in Terengganu]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 5(4): 058-070.

Pengenalan

Agama Islam adalah agama syumul, yang sangat mengambil berat soal kebajikan umatnya. Antara yang diberi perhatian ialah pengurusan harta si mati melalui pensyariaan hukum faraid. Harta si mati akan dibahagikan kepada waris-waris yang layak berdasarkan pembahagian yang ditetapkan oleh Allah SWT setelah ditunaikan hak-hak si mati. Seandainya si mati tidak meninggalkan waris, atau hanya ada waris kadar (*fardu*) dan tidak ada waris yang menghabisi harta (*asabah*), maka baki harta itu akan diwarisi oleh orang Islam. Ini bukan bererti harta si mati tersebut perlu dipindah milik kepada setiap orang Islam kerana ia mustahil dilakukan berdasarkan jumlah harta yang sedikit dan bilangan orang Islam yang ramai. Namun ia dipindah ke satu institusi milik orang Islam yang akan membelanjakan harta tersebut kepada perkara yang memberi manfaat kepada semua iaitu baitulmal. Menurut Jasni Sulong (2008) perwarisan baitulmal dengan sebab *jihah al-Islam* (hubungan saudara seagama) ini lebih tinggi daripada konsep baitulmal sebagai pemegang harta semata-mata. Dalam hal ini, Imam Syafi'i menganggap baitulmal juga adalah merupakan badan yang layak menerima harta pusaka bagi kepentingan umum umat Islam.

Kedudukan baitulmal sebagai waris asabah ke atas harta pusaka perlu diteliti amalannya dalam konteks Malaysia, kerana majoriti negeri-negeri di Malaysia memberi kuasa kepada baitulmal untuk mewarisi harta si mati seperti mana pandangan yang telah dijelaskan di atas. Namun hak baitulmal dalam perwarisan ini bukan perkara yang disepakati oleh ulama. Ada yang berpandangan baki harta pusaka itu lebih utama dikembalikan kepada waris-waris si mati, jika tiada maka akan dibahagi kepada ahli keluarga si mati yang tidak berhak mewarisi. Ini bermakna mengembalikan harta kepada waris (*rad*), dan diberi kepada kaum kerabat (*zawi al-arham*) lebih diutamakan berbanding dengan baitulmal. Apatah lagi pandangan ini turut dipersetujui oleh majoriti ulama terkemudian daripada mazhab Syafi'i atas alasan kedudukan dan peranan baitulmal telah berubah (Al-Sabuni, 988). Kebanyakan negeri di Malaysia

mengikuti mazhab Syafi'i dari sudut amalan yang berkait dengan undang-undang diri orang Islam termasuklah dalam perkara pusaka dan wasiat (Jasni Sulong, 2008).

Bagi negeri Terengganu pula, telah dijelaskan pendapat (hukum) yang diikuti adalah pendapat-pendapat muktamad mazhab Syafi'i. Enakmen Kerajaan Negeri Terengganu 2 Tahun 2001 Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) Bahagian III - Seksyen 54 (1) – berdasarkan *Qaul Muktamad* menyebut: 'Dalam mengeluarkan apa-apa fatwa di bawah seksyen 50, Jawatankuasa Fatwa hendaklah pada lazimnya mengikut pendapat-pendapat yang diterima (qaul muktamad) Mazhab Syafi'i.'

Natijahnya seakan berlaku percanggahan dalam mengikut pandangan muktamad dalam mazhab Syafi'i seperti peruntukan di atas yang mana pandangan *muta'akhirin* Syafi'iyah yang tidak memberi hak perwarisan kepada baitulmal, dengan amalan yang membenarkan baitulmal mewarisi si mati yang tiada waris asabah mengikut pandangan lama dalam mazhab. Walau bagaimanapun dalam perkara (2) dan (3) dalam seksyen sama turut menyatakan jika *qaul muktamad* Mazhab Syafi'i berlawanan dengan kepentingan awam, bolehlah mengikut *qaul muktamad* Mazhab lain, atau jika *qaul* empat Mazhab berlawanan dengan kepentingan awam, maka dibolehkan membuat fatwa mengikut ijtihad tanpa terikat dengan *qaul muktamad* daripada mana-mana Mazhab yang empat. Pengecualian ini sangat baik untuk keluwesan berijtihad dan berpegang dengan pendapat yang boleh menjaga kepentingan awam di negeri Terengganu. Justeru penelitian ini sangat penting untuk melihat kedudukan baitulmal dalam menguruskan harta yang diperolehinya sebagai pewaris asabah. Ia dapat membantu pihak yang menguruskan baitulmal membelanjakan hasil yang diperolehi dengan lebih cekap selaras dengan perintah syarak agar memacu baitulmal menjadi institusi pengurusan kewangan Islam yang teratur dan baik, menepati pra-syarat untuk menjadi waris asabah kepada orang Islam.

Baitulmal dalam Islam

Pengertian baitulmal secara umumnya adalah berasal dari bahasa Arab dan terdiri daripada dua patah perkataan iaitu al-Bait dan al-Mal. Al-Bait dimaksudkan sebagai "rumah" manakala al-Mal diertikan sebagai "harta" dan jika digabungkan keduanya, perkataan ini membawa maksud "rumah harta". Zahirnya ia merujuk kepada rumah yang menerima sesuatu harta dan menyimpankannya untuk diagihkan kepada yang berhak menerimanya (Ibn. Manzur, 1988)

Pengertian baitulmal menurut para ulama pula seperti dinyatakan oleh Hilal al-Saabi (t.t) ialah tempat menyimpan harta yang dikumpul dari pelbagai sumber seperti zakat, harta rampasan, kharaj, dan lain-lain, diamanahkan kepada khalifah atau pemerintah untuk dibelanjakan bagi menjaga kemaslahatan dan hal ehwal negara dalam keadaan aman atau sewaktu peperangan. Manakala dalam kitab *al-Ahkam al-Sultaniyyah*, Imam al-Mawardi menyatakan baitulmal adalah institusi bukan tempat semata-mata, bertujuan untuk memelihara dan menjaga harta orang Islam yang tiada pemilik, atau bukan pemilikan peribadi dan digunakan untuk keperluan masyarakat Islam. Ini bermakna jika harta itu disalurkan untuk masalah orang Islam maka ia akan diletakkan di bawah baitulmal (al-Mawardi, 2006). Justeru itu, baitulmal adalah perbendaharaan negara yang dibangunkan atas landasan syariat Islam. Ia berfungsi sebagai institusi yang menyimpan dan menjaga harta orang Islam yang diperolehi daripada sumber-sumber ekonomi yang diiktiraf oleh Syarak. Harta yang diperolehi itu

disalurkan kembali kepada masyarakat yang memerlukan berdasarkan prinsip masalah demi menjaga kebajikan umat Islam umumnya. Baitulmal adalah amanah dari Allah kepada pemimpin orang Islam, maka ia tidak boleh digunakan atau diusahakan dengan cara yang berlawanan dengan syariat Islam.

Islam sebagai *'ad-deen'* atau suatu cara hidup yang lengkap lagi komprehensif, telah memberi tumpuan terhadap kebajikan masyarakat Islam, melalui aktiviti ekonomi seperti perdagangan, perindustrian, pelaburan dan lain-lain yang diharuskan oleh Islam. Dasar ini diperkukuhkan melalui institusi yang memainkan peranan penting dalam meningkatkan kebajikan ummah dan meninggikan taraf ekonomi Islam ialah *Bayt al-Mal* atau lebih dikenali sebagai Baitulmal (Hailani Muji Tahir, 2007). Sejak zaman Rasulullah SAW lagi, baitulmal berperanan sebagai sistem kewangan negara Islam. Pada masa ini, baitulmal adalah satu sistem unik kerana meletakkan khazanah negara sebagai harta amanah orang Islam bukan milik peribadi pemerintah seperti yang dilakukan oleh empayar Rom dan Parsi.

Pada dasarnya, harta dalam baitulmal adalah dianggap sebagai harta negara dan ia juga merupakan harta semua rakyat. Khalifah atau pemerintah Islam hanya diberi amanah untuk menguruskan harta ini. Antara peranannya ialah untuk mengumpul segala sumber-sumber baitulmal seperti *ghanimah* (harta rampasan perang), *fai'* (harta rampasan) *jizyah* (cukai), *kharaj*, zakat, wasiat, wakaf dan lain-lain sumber serta menyalurkannya kepada golongan yang berhak menerimanya. Baitulmal berkembang dengan pesat sejajar dengan perubahan landskap politik dan pemerintahan Islam. Rasulullah SAW telah meletakkan asas baitulmal seawal penubuhan negara Islam di Madinah pada tahun 622 Masihi. Pada masa ini peranannya hanya sebagai tempat sementara menyimpan harta dengan jumlah harta yang sedikit sebelum harta itu akan diagihkan kepada orang Islam yang memerlukan mengikut ketetapan syarak untuk menjaga kebajikan ummah (Muhamad Assyifaa, 2021).

Pada zaman Khulafa' al-Rashidin harta-harta orang Islam meningkat kerana Islam pada waktu itu berkembang dengan agak pesat. Banyak wilayah baru dikuasai, dan harta dari perolehan perang datang dengan begitu banyak dari wilayah yang dikuasainya. Lalu ada cadangan kepada Khalifah Umar supaya ditubuhkan jabatan (*diwan*) untuk menjaga kepentingan harta tersebut dan cara penggunaannya. Menurut al-Mawardi (2006) Orang ramai berselisih tentang bagaimana *diwan* diwujudkan, sebahagian ulama berpendapat: Sebabnya Abu Hurairah r.a telah membawa hadiah berupa wang dari Bahrain berjumlah lima ratus ribu dirham. Khalifah Umar r.a. terkejut dengan jumlah yang banyak seraya bertanya pendapat para sahabat Rasulullah SAW apa yang perlu dibuat, maka seseorang telah memberi pendapat agar diwujudkan jabatan untuk mencatat harta itu dan jumlah yang digunakan untuk orang ramai sebagaimana yang dilaksanakan oleh orang *a'jam* (bukan bangsa Arab). Pengurusan ini diteruskan oleh kerajaan khilafah Bani Umayyah dan 'Abbasiyyah serta kerajaan-kerajaan Islam lain (mamalik) sehingga berakhirnya khilafah Uthmaniyyah. Peranan baitulmal telah mencapai kegemilangannya di era 'Abbasiyyah iaitu di zaman pemerintahan khalifah Harun al-Rasyid.

Kedudukan Baitulmal sebagai Waris

Islam telah menetapkan aturan perwarisan dalam bentuk yang sangat teratur dan adil serta menetapkan garis panduan yang jelas tentang pemindahan milik seseorang yang sudah meninggal dunia kepada ahli warisnya. Aturan ini bersumberkan kepada al-Quran, al-Sunah, Ijma' ulama dan ijtihad para sahabat dalam masalah tertentu. Al-Quran telah menyatakan tentang waris-waris si mati dan hak mereka daripada harta yang ditinggalkan si mati dalam dua bentuk ayat yang berkaitan dengan pusaka iaitu ayat *mujmal* dan ayat *mufassal*. Ayat *mujmal* adalah ayat yang menjelaskan mengenainya hak ahli waris secara umum tanpa menentukan bahagian ahli waris secara terperinci. Manakala ayat *mufassal* adalah ayat yang menjelaskan secara terperinci mengenai ahli waris dan kadar bahagian yang akan diperolehi. Di antara ayat berbentuk *mujmal*, Firman Allah SWT:

Bagi orang laki-laki ada hak bahagian dari harta peninggalan ibu-bapa dan kerabatnya, dan bagi orang wanita ada hak bagian (pula) dari harta peninggalan ibu-bapa dan kerabatnya, baik sedikit atau banyak menurut bahagian yang telah ditetapkan. (An-Nisa', 4: 7)

Manakala dalam ayat *mufassal* pula, Allah SWT telah menerangkan secara terperinci mengenai ahli waris dan bahagian dalam pusaka seperti firman Allah SWT di dalam Surah An-Nisa yang bermaksud:

Allah mensyari'atkan bagimu tentang (pembahagian pusaka untuk) anak-anakmu iaitu bahagian seorang anak lelaki sama dengan bahagian dua orang anak perempuan, dan jika anak itu semuanya perempuan lebih dari dua orang, maka bagi mereka dua pertiga dari harta yang ditinggalkan; jika anak perempuan itu seorang saja, maka ia memperoleh separuh harta. Dan untuk kedua orang ibu-bapa, masing-masing bahagiannya satu perenam dari harta yang ditinggalkan jika yang meninggal itu mempunyai anak; jika orang yang meninggal tidak mempunyai anak dan ia diwarisi oleh ibu-bapanya (saja), Maka ibunya mendapat satu pertiga; jika yang meninggal itu mempunyai beberapa saudara, Maka ibunya mendapat satu perenam. (Pembahagian di atas) sesudah dipenuhi wasiat yang ia buat atau sesudah dibayar hutangnya. (Tentang) orang tuamu dan anak-anakmu, kamu tidak mengetahui siapa di antara mereka yang lebih dekat (banyak) manfaatnya bagimu. ini adalah ketetapan dari Allah. Sesungguhnya Allah Maha mengetahui lagi Maha Bijaksana. (An-Nisa', 4: 11)

Begitu juga dalam surah yang sama Allah SWT telah berfirman yang bermaksud:

Mereka meminta fatwa kepadamu tentang kalalah, Katakanlah: Allah memberi fatwa kepadamu tentang kalalah (iaitu): jika seorang meninggal dunia, dan ia tidak mempunyai anak dan mempunyai saudara perempuan, maka bagi saudaranya yang perempuan itu satu perdua dari harta yang ditinggalkannya,

dan saudara lelakinya mempusakai seluruh harta saudara perempuan, jika ia tidak mempunyai anak; tetapi jika saudara perempuan itu dua orang, Maka bagi keduanya dua pertiga dari harta yang ditinggalkan (oleh yang meninggal), dan jika mereka (ahli waris itu terdiri dari) saudara-saudara lelaki dan perempuan, Maka bahagian seorang saudara lelaki sebanyak bahagian dua orang saudara perempuan. Allah menerangkan (hukum ini) kepadamu, supaya kamu tidak sesat, dan sesungguhnya Allah Maha mengetahui segala sesuatu. (An-Nisa', 4:176)

Berdasarkan kedua-dua ayat di atas dapat disimpulkan bahawa dasar pembahagian harta pusaka dalam Islam telah dijelaskan dengan terperinci oleh Allah SWT dalam ayat *mufassal* iaitu siapa waris si mati dan kadar yang berhak diterima oleh ahli waris tersebut.

Persoalannya jika si mati tidak mempunyai waris seperti yang dinyatakan di dalam ayat-ayat perwarisan di atas, maka siapakah yang berhak ke atas harta pusakanya. Sebahagian ulama berpendapat harta si mati yang tiada waris, atau baki harta setelah diambil oleh waris kadar (*Ashab Al-Furud*) kerana si mati tidak mempunyai waris *Asabah* akan disalurkan kepada masalah orang Islam dan diletakkan di baitulmal sebagai harta orang Islam. Pandangan ini dinisbahkan kepada Saidina Abu Bakar, Saidina Uthman, Zayd bin Thabit, Sufyan al Thawri, Al-Zuhri, Al-Awza'i, Ibn Jarir al-Tabari dan Fuqaha Hijaz. Pendapat ini merupakan pendapat mazhab Imam Shafie, Maliki dan Ibn Hazm Al Zahiri (Salleh Fauzan, 2018). Mereka berpendapat bahawa ahli waris *zawi al-arham* tidak boleh mewarisi harta pusaka kerana tidak terdapat nas yang jelas dari Al-Quran, As-Sunnah dan Ijma'. Ini bererti, selain daripada perkahwinan, kekeluargaan (hubungan darah) dan *wala'*, syariat Islam turut menerima 'saudara seIslam' (*jihhah al-Islam*) sebagai sebab perwarisan bagi si mati yang tiada waris. Oleh kerana itu, harta si mati akan diletakkan di baitulmal untuk kegunaan semua orang Islam .

Sumber penghujahannya bersandarkan kepada dalil ayat *mawaris* (pusaka) dalam surah an-Nisa', ayat 11, 12 dan 176 dengan mendakwa Allah SWT telah menyatakan dengan jelas waris-waris pusaka kepada si mati, justeru *zawi al-arham* tidak termasuk dalam senarai tersebut. Ayat-ayat ini disokong dengan hadis Rasulullah SAW yang bermaksud: "Sesungguhnya Allah SWT telah memberikan setiap yang berhak (ke atas pusaka) itu haknya, maka tidak ada wasiat untuk waris" (Abu Daud, 1969, 2870). Maksud di sebalik hadis ini iaitu, jika waris tidak diberi wasiat maka kaum keluarga yang tak mewarisi iaitu *zawi al-arham* juga tidak diberi pusaka secara mutlak. Selain itu, turut disandarkan adalah hadis Rasulullah SAW yang bermaksud: "Barang siapa meninggalkan tanggungan maka aku yang mewakili pihaknya (menanggung), barang siapa meninggalkan harta maka itu untuk waris-warisnya (pusaka), aku waris kepada sesiapa yang tidak ada waris, aku menanggung *diyatnya* (ganti rugi nyawa dan tubuh badan) dan aku berhak mewarisinya" (Abu Daud, 1969, 2956). Umum mengetahui bahawa Rasulullah SAW tidak mengambil harta orang Islam untuk diri baginda sendiri, tetapi harta itu akan diletakkan di baitulmal bagi kemaslahatan semua orang Islam (Zulkifli al-Bakri, 2011). Sehubungan dengan itu, baitulmal dianggap sebagai waris yang terakhir kepada harta pusaka orang Islam sekiranya harta pusaka si mati tidak dihabisi oleh waris-waris yang berhak. Perwarisan baitulmal yang dimisalkan sebagai bahagian yang diberi kepada nabi Muhammad SAW turut memperakui oleh nas al-Quran sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

“Sesungguhnya nabi itu lebih utama ke atas orang beriman berbanding diri mereka” (al-Ahzab 33:6).

Walau bagaimanapun, para ulama mazhab Syafi’iyyah terkemudian (*muta’akhirin*) iaitu pada akhir abad ke-4 Hijrah, telah menyemak semula pendapat Imam Syafi’i dalam pemberian pusaka kepada baitulmal apabila didapati baitulmal tidak diurus tadbir dengan baik pada masa tersebut, sehingga menyebabkan harta umat Islam di baitulmal tidak dibelanjakan mengikut ketetapan Syarak. Dalam keadaan ini, mereka berpendapat sekiranya harta si mati berbaki selepas diambil oleh waris-waris kadar (*Ashab Al-Furud*) kerana si mati tidak mempunyai waris *Asabah* maka kaedah *Rad* iaitu memulangkan baki kepada waris kadar diguna pakai, sekiranya si mati tidak mempunyai waris harta pusaka hendaklah diwarisi oleh waris *zawi al-arham*. (al-Khin, 1992). Pandangan ini disentuh dalam kitab Raudah al-Talibin iaitu, sekiranya si mati tidak meninggalkan waris *Fardu* dan *Asabah*, maka hendaklah diwarisi oleh *zawi al-arham*. Dan pada pandangan kami, sesungguhnya pendapat yang sah *zawi al-arham* itu tidak mewarisi dan tidak juga dipulangkan lebih harta, iaitu dalam keadaan bila mana urusan baitulmal ditadbir dengan baik dan ditadbir dengan baik dengan diperintah oleh pemimpin yang adil (al-Nawawi, 1992)

Sebahagian ulama yang lain pula menolak secara mutlak harta si mati yang tiada waris *Asabah* diberi kepada baitulmal. Mereka berpendapat baki harta pusaka hendaklah dikembalikan kepada waris yang berhak melalui konsep *rad*, jika si mati tiada waris, maka waris *zawi al-arham* lebih utama mendapat pusaka tersebut. Ahli waris *zawi al-arham* bermaksud anggota keluarga yang mempunyai hubungan kerabat atau darah dengan si mati tetapi asalnya bukan ahli waris yang berhak mewarisi dengan kadar (*Ashab Al-Furud*) atau mewarisi baki harta (*Asabah*) (al-Khin, 1992) sama ada lelaki atau perempuan seperti cucu daripada anak perempuan (anak lelaki dan perempuan kepada anak perempuan), bapa saudara sebelah ibu, ibu saudara dan lain-lain. Pandangan ini diriwayatkan daripada Saidina Ali, Saidina Umar, Ibn Mas’ud, Ibn Abbas, Muaz bin Jabal, Mujahid, Ikramah, Shurayh, Masruq, Al-Nakhai’, Al-Sha’bi dan lain-lain. Pandangan ini menjadi pegangan mazhab Imam Abu Hanifah dan Ahmad Bin Hambal (Abdul Samad al-Katib, 1994). Mereka menetapkan dua syarat berikut iaitu pertama; si mati tidak mempunyai ahli waris *Ashab al-Furud* dan *Asabah*, kedua; adanya harta yang ditinggalkan oleh si mati. Manakala jika si mati meninggalkan ahli waris *Ashab al-Furud* sahaja, mereka akan mengambil bahagian mereka sebagai ahli waris *Ashab al-Furud* dan bakinya dikembalikan kepada mereka mengikut kaedah *al-Rad*.

Kedudukan Baitulmal dalam Pengurusan Harta Pusaka di Malaysia

Kedudukan baitulmal dan peranannya dalam pengurusan harta pusaka di Malaysia diteliti dari dua sudut. Pertama, kaedah pembahagian pusaka orang Islam dalam peruntukan undang-undang pembahagian pusaka di Malaysia, kedua kedudukan dan peranan baitulmal yang dinyatakan dalam peruntukan undang-undang di Malaysia. Pembahagian harta pusaka orang Islam di Malaysia seperti dinyatakan oleh Perlembagaan Negara adalah berlandaskan Undang-undang diri orang Islam atau mengikut hukum Syarak. Walaupun secara umumnya sistem perundangan utama adalah sistem perundangan sivil, tetapi kaedah pembahagian pusaka orang

Islam akan dirujuk kepada mahkamah Syariah untuk disahkan melalui perakuan sijil faraid. Hal ini kerana sistem perundangan yang disediakan adalah hanya untuk urusan pentadbiran seperti tatacara memohon pembahagian, memproses permohonan, pembahagian bidang kuasa dan sebagainya.

Penentuan status dan kedudukan ahli-ahli waris si mati, kadar pusaka yang diperolehi mereka adalah tertakluk pada hukum syarak menurut undang-undang. Memandangkan kedudukan baitulmal sebagai waris si mati termaktub dalam hukum Syarak, maka secara tidak langsung hak perwarisan ini turut diiktiraf oleh undang-undang pusaka. Hal ini telah dinyatakan di dalam Akta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 atau Akta 98 Seksyen 12 sub Seksyen 7 telah memperuntukkan bahawa kaedah pembahagian harta pusaka si mati hendaklah dibahagikan mengikut hukum faraid iaitu:

“Pemungut hendaklah menentukan, dalam apa cara yang paling sesuai, undang-undang yang terpakai kepada penurunan harta pusaka si mati dan hendaklah memutuskan siapa mengikut undang-undang itu adalah benefisiari-benefisiari dan kadar syer dan kepentingan masing-masing”

Seterusnya status perwarisan baitulmal ini dijelaskan lagi dengan menyebut secara khusus haknya sebagai waris melalui akta yang sama di bawah Seksyen 13(1), iaitu antara lain menyebut:

“Dengan syarat jika ada undang-undang bertulis yang berkuat kuasa berhubungan dengan Baitulmal, Pentadbir Tanah hendaklah sebelum membahagikan apa-apa bahagian harta pusaka si mati beragama Islam, memuaskan dirinya bahawa apa-apa bahagian harta pusaka yang kena dibayar kepada Baitulmal telah dibayar sewajarnya atau peruntukan sesuai telah dibuat bagi pembayarannya.”

Manakala Kedudukan dan peranan baitulmal dalam undang-undang juga telah dinyatakan dengan jelas jika merujuk kepada enakmen-enakmen negeri. Umum mengetahui, Perlembagaan Persekutuan telah meletakkan hal ehwal agama Islam dan adat istiadat orang Melayu di bawah tanggungjawab sultan setiap negeri. Pelaksanaan Baitulmal telah disesuaikan dengan kehendak perlembagaan Malaysia dengan merujuk kepada jadual ke Sembilan di dalam Perlembagaan di Senarai II – Senarai Negeri iaitu:

Kecuali mengenai Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, hukum Syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam, termasuk hukum Syarak yang berhubungan dengan pewarisan, berwasiat dan tidak berwasiat, pertunangan, perkahwinan, perceraian, mas kahwin, nafkah, pengangkatan, kesahtarafan, penjagaan, alang, pecah milik dan amanah bukan khairat; Wakaf dan takrif serta pengawal seliaan amanah khairat dan agama, pelantikan pemegang amanah dan pemerbadanan orang berkenaan dengan derma kekal agama dan khairat, institusi, amanah, khairat dan institusi khairat Islam yang beroperasi keseluruhannya di dalam Negeri; adat Melayu;

Zakat, Fitrah dan Baitulmal atau hasil agama Islam yang seumpamanya; masjid atau mana-mana tempat sembahyang awam untuk orang Islam, pewujudan dan penghukuman kesalahan yang dilakukan oleh orang yang menganut agama Islam terhadap perintah agama itu, kecuali berkenaan dengan perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan; keanggotaan, susunan dan tatacara mahkamah Syariah, yang hendaklah mempunyai bidang kuasa hanya ke atas orang yang menganut agama Islam dan hanya berkenaan dengan mana-mana perkara yang termasuk dalam perenggan ini, tetapi tidak mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan kesalahan kecuali setakat yang diberikan oleh undang-undang persekutuan; mengawal pengembangan doktrin dan kepercayaan di kalangan orang yang menganut agama Islam; penentuan perkara mengenai hukum dan doktrin Syarak dan adat Melayu.

Justeru peranan baitulmal pada hari ini sudah tidak sama fungsinya dengan zaman Rasulullah SAW dan khulafa' ar-Rashidin iaitu menyamai perbendaharaan sebuah negara. Baitulmal terletak di bawah struktur kuasa perundangan negeri menurut Jadual ke Sembilan Perlembagaan, dan telah disenaraikan sebagai hak kerajaan negeri iaitu termasuk hak penentuan hukum agama yang berkaitan dengan harta seperti zakat, wakaf, baitulmal dan yang berkaitan dengan hal ehwal agama. Justeru itu, fungsi baitulmal sebagai waris, wasi dan pentadbir pusaka adalah tertakluk kepada undang-undang negeri di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri. Sebagai contoh di Wilayah Persekutuan, ia telah memperuntukkan di bawah Seksyen 5(4), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Wilayah Persekutuan) 1993 iaitu:

“Majlis hendaklah mempunyai kuasa untuk bertindak sebagai wasi sesuatu wasiat atau sebagai pentadbir harta pusaka seseorang si mati atau sebagai pemegang amanah mana-mana amanah.”

Enakmen ini turut diguna pakai oleh negeri-negeri lain seperti di negeri Terengganu, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Terengganu) 2001, di negeri Selangor pula, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003, dan lain-lain. Berdasarkan peruntukan undang-undang di atas, sama ada di dalam akta atau enakmen dapat disimpulkan bahawa baitulmal mempunyai hak ke atas harta pusaka yang terbiar tidak berwaris, dan baki daripada harta pusaka selepas pembahagian harta pusaka dilakukan kerana tiada waris asabah.

Baitulmal di Terengganu dan Fungsinya

Fungsi baitulmal di Terengganu telah wujud awal lagi walaupun tidak ada jabatan khusus ditubuhkan mengendalikannya. Apatah lagi Terengganu dianggap antara negeri terawal yang menerima pengaruh Islam di Semenanjung Tanah Melayu (Syed Muhammad Naguib al-Atas, 1984). Terengganu juga antara negeri terawal mewujudkan undang-undang tubuh negeri dengan kandungan perlembagaan bercorak moden yang dikenali sebagai '*Itqan al-Muluk bi Ta'dil as-Suluk*'. Undang-undang ini menegaskan kedudukan agama Islam sebagai agama rasmi, dan institusi-institusi agama Islam berfungsi menjaga kemaslahatan rakyat di

Terengganu sebelum campur tangan Inggeris secara langsung pada tahun 1919 Masihi. Antara institusi yang dirasmikan pertubuhannya ialah Pejabat Pesuruhjaya Agama dan Keadilan pada tahun 1912 Masihi di mana antara fungsinya ialah membicarakan hal-hal agama dan membuat cadangan berkaitan hal ehwal agama kepada kerajaan, mahkamah kadi, pejabat pesaka, nazir masjid, ketua-ketua mukim dan lain-lain. (Tuan Ruhani, 1984/1985).

Pada masa ini pula, peranan dan fungsi Baitulmal di Terengganu sangat sinonim dengan penubuhan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Negeri Terengganu (MAIDAM) kerana fungsinya diletakkan di bawah institusi ini. Pada tahun 1949 Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu ditubuhkan apabila Undang-undang Bil.1 Tahun 1949 diwartakan pada 16 Februari tahun yang sama (Noor Anita, 2004). Menurut warta tersebut, bahawa Yang Maha Mulia Sultan memerintahkan supaya dibuat Undang-Undang bagi maksud mengatur segala perkara-perkara agama dan bagi mendirikan satu Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu kerana membantu dan menasihatkan Duli Yang Maha Mulia di dalam semua perkara yang bersangkutan dengan Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu. Undang-Undang ini dinamakan Undang-Undang Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu 1949 (1368). Undang-Undang tersebut kemudiannya dipinda beberapa kali, dan terakhir pada 22 November 2001, kerajaan telah meluluskan Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 1422H/2001M yang berkuat kuasa pada 1 Ogos 2002. Pindaan-pindaan kecil juga telah dibuat pada tahun 2003 dan 2008 yang melibatkan pelantikan Yang Dipertua Majlis bukan Menteri Besar dan keanggotaan Majlis yang lain. (MAIDAM, t.t).

Matlamat penubuhan Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu seperti yang dijelaskan, adalah untuk membantu dan menasihatkan Duli Yang Maha Mulia Sultan dalam semua perkara yang berhubung dengan hal ehwal Islam dan adat Melayu amnya (MAIDAM, t.t). Bagi melaksanakan fungsi ini, beberapa objektif telah digariskan iaitu untuk memastikan pengurusan dan perjalanan hal ehwal Islam di negeri ini pada landasan yang betul, mempertingkatkan dan meneguhkan sosio-ekonomi umat Islam, memastikan harta-harta Islam terpelihara, berkembang dan membangun sesuai menurut tuntutan syarak, dan memastikan semua orang Islam mengeluarkan zakat kepada pihak Majlis (MAIDAM, t.t). Beberapa bahagian telah diwujudkan bagi merealisasikan hasrat tersebut antaranya Bahagian Khidmat Pengurusan, Bahagian Pengurusan Zakat, Bahagian Pembangunan Harta, dan Bahagian Pengurusan Mal.

Dua bahagian berperanan secara langsung sebagai baitulmal yang menguruskan perolehan harta pusaka dan perbelanjaannya ialah Bahagian Pembangunan Harta, dan Bahagian Pengurusan Mal. Antara Peranan dan fungsi Bahagian Pembangunan Harta adalah membelanjakan harta untuk membangun, mentadbir dan menyelenggara premis Majlis, memajukan tanah Majlis, Baitulmal, atau Wakaf serta memastikan pembangunan ekonomi Majlis berjalan lancar. Banyak projek pembinaan telah berjaya disiapkan seperti pembinaan pejabat, rumah kedai, bangunan dan asrama yang mana sebahagian premis ini disewakan sebagai pelaburan jangka panjang yang memberi pulangan kepada MAIDAM.

Manakala Bahagian Pengurusan Mal pula berperanan menguruskan perolehan harta wakaf dan sumber Am. Ini berdasarkan Seksyen 63 Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 1422H/2001M, yang memperuntukkan MAIDAM hendaklah menjadi pengawal tunggal bagi semua wakaf, sama ada wakaf am, wakaf khas, nazar am dan semua amanah dari segala jenis yang mewujudkan amanah khairat untuk bantuan dan kemajuan Agama Islam atau sebagai faedah orang Islam mengikut Hukum Syarak. Sementara Sumber

Am pula lebih dikenali sebagai Baitulmal, merupakan satu bentuk pentadbiran mengendalikan harta-harta orang Islam yang mati yang tidak mempunyai waris atau berwaris tetapi tidak menghabiskan semua bahagian mengikut faraid, selaras dengan peruntukan Seksyen 69. Secara umumnya perolehan atau hasil Sumber Am termasuklah perolehan pesaka yang tak diwarisi, hasil dari tanah atau tanaman, penyerahan wang tak patuh syariah seperti faedah bank, barang-barang tercicir (*luqatah*), wang dan harta orang Islam yang tidak dituntut, pelbagai sumbangan dan pemberian, wasiat am, fidyah, nazar dan kafarah serta sumber-sumber lain baitulmal mengikut Enakmen atau hukum Syarak (MAIDAM, t.t.).

Pengurusan Tanah Baitulmal di Terengganu

Pada masa kini, terdapat sejumlah lot tanah yang terletak di bawah tanggungjawab baitulmal, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu, sama ada dimiliki sepenuhnya kepentingan di atas tanah tersebut (milik mutlak), atau sebahagiannya sahaja (milik bersama). Tanah-tanah ini sebahagiannya diperolehi secara pusaka, sumbangan, dan wasiat am. Walau bagaimanapun, jumlah tersebut sentiasa berubah kerana Majlis berusaha melupuskan dan menjual tanah yang kurang penting dan strategik untuk dibangunkan (MAIDAM, 2021). Sebahagian kecil daripada tanah baitulmal ini dibangunkan dan dijadikan sebagai harta wakaf untuk menjadi sumber pendapatan kepada Majlis. Fatwa berkenaan penukaran harta baitulmal kepada wakaf telah diwartakan dengan tajuk Pembangunan Tanah Wakaf di Bawah Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMK-9) (eSumber Maklumat Fatwa, t.t). Pembangunan tanah baitulmal menghadapi pelbagai kekangan antaranya kekurangan sumber manusia untuk menguruskannya, masalah pemilikan bersama (harta syarikat), kedudukan yang tidak strategik dan lain-lain. Kekangan ini menyebabkan kebanyakan lot tanah kepunyaan baitulmal tidak dimajukan. Selain dari itu, tanah-tanah yang diperolehi Majlis melalui pusaka juga boleh ditebus oleh ahli keluarga si mati dengan konsep *takharuj* iaitu pelepasan hak dengan balasan. Penebusan ini dibuat berdasarkan penilaian semasa melalui permohonan kepada baitulmal dan bicara di Pejabat Pusaka Kecil, Jabatan Ketua Pengarah dan Galian (JAWHAR, 2008).

Kesimpulan

Baitulmal merupakan organisasi yang terpenting bagi mentadbir harta umat Islam serta menjaga kebajikan umat Islam. Ia bertanggungjawab terhadap lebih harta atau harta umat Islam yang tidak dituntut atau tidak mempunyai waris kerana baitulmal merupakan sebuah organisasi yang berhak serta diamanahkan untuk mentadbir harta tersebut untuk dimanfaatkan untuk umat Islam. Harta yang diperolehi ini dapat digunakan untuk menjaga kebajikan dan kemaslahatan umat Islam seperti yang diperintahkan oleh Syarak. Penyaluran harta ini kepada orang Islam yang memerlukan dapat mengurangkan bebanan yang ditanggung oleh mereka dalam kehidupan seharian.

Baitulmal diberi hak ke atas pusaka yang tiada waris asabah kerana peranannya mewakili *jihbah al-Islam* di mana antara peranannya ialah menanggung bebanan orang Islam terhadap diyyah dan hutang. Ini seperti yang dijelaskan oleh hadis baginda SAW yang diriwayatkan oleh Abu Daud: “aku menanggung *diyatnya* (ganti rugi nyawa dan tubuh badan) dan aku berhak

mewarisinya” (Abu Daud, 1969, 2956). Justeru institusi ini perlukan diperkasakan dengan peranan menanggung bebanan orang Islam melalui inisiatif kewangan semasa yang sesuai seperti takaful, khairat dan lain-lain.

Sumber baitulmal antaranya adalah harta pusaka, maka dengan fungsi tersebut pihak Majlis boleh menubuhkan satu unit di bawah baitulmal yang mengurus pentadbiran harta pusaka dan wasiat, di mana ia turut berperanan menasihati dan membantu orang Islam dalam membuat permohonan pembahagian pusaka. Sehubungan dengan itu, Majlis perlu meningkatkan kemahiran sumber manusia para pegawai dan kakitangannya dengan kemahiran dalam bidang faraid dan undang-undang pusaka.

Rujukan

- Abi al-Hasan, al-Hilal bin al-Muhsin al-Saabi. t.t., *al-Wazir aw Tuhfah al-Umara' fi Tarikh al-Wuzara'*, al-Madinah al-Munawwarah: Maktabah al-A'yan.
- Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 (Akta 98) dan Peraturan-peraturan (Hingga 1 Ogos 2007). Kuala Lumpur: International Law Book Servis.
- Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Selangor. 2003. diakses pada 4 November 2022 daripada <http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/undang.nsf/liststrg?OpenForm>
- Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Terengganu. 2001. diakses pada 4 November 2022 daripada <http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/undang.nsf/liststrg?OpenForm>
- Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Terengganu. 2001. diakses pada 4 November 2022 daripada <http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/undang.nsf/liststrg?OpenForm>
- Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Wilayah Persekutuan (Akta 505). 1993. diakses pada 4 November 2022 daripada <http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/undang.nsf/liststrg?OpenForm>
- eSumber Maklumat Fatwa. (t.t) Pembangunan Tanah Wakaf di Bawah Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMK-9) Diakses pada 7 November 2022, daripada <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/fatwa/pr/12375>
- al-Fauzan, Salleh bin Fauzan. 2018. *al-Tahqiqat al-Mardiyyah fi al-Mabahis al-Fardiyyah*, dalam *Jami' Syuruh al-Mawarith*, al-Kaherah: Dar al-Ghad al-Jadid.
- Hailani Muji Tahir. 2007. *Institusi Baitulmal dalam Pembangunan Negara*. Penerbit UKM: Bangi.
- Hasan Bahrom. 2008. *Manual Pengurusan Tebus Pusaka*. Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji Jabatan Perdana Menteri. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Ibn Manzur, Muhammad Ibn Mukram al-Afriqi al-Misri. 1988/1408H. *Lisan al-^carab*. Beirut: Dar al-sadir.
- Jasni Sulong. 2008. Kedudukan Mazhab Syafi'i dalam Amalan Pembahagian Pusaka dan Wasiat di Malaysia, dalam *Jurnal Syariah*, Jil.6, Bil.1, pp. 163-183.
- al-Katib, Abdul Samad bin Muhammad. 1994. *al-Faraid*. al-Madinah al-Munawwarah, Saudi Arabia : Percetakan Universiti Islam Madinah.

- al-Khin, Mustafa et. al. 1992. *al-Fiqh al-Manhaji 'Ala Mazhab Imam al-Shafi'e*. (3rd ed.). Damascus: Dar al-Qalam.
- MAIDAM. (2021). *Tanah untuk dijual*. Diakses pada 7 November 2022, daripada <http://www.maidam.gov.my/index.php/en/services/tanah-untuk-dijual>
- MAIDAM. (t.t). *Carta organisasi*. Diakses pada 7 November 2022, daripada <http://www.maidam.gov.my/index.php/ms/profil/carta-organisasi>
- MAIDAM. (t.t). *Matlamat utama*. Diakses pada 7 November 2022, daripada <http://www.maidam.gov.my/index.php/ms/profil/matlamat-utama>
- MAIDAM. (t.t). *objektif*. Diakses pada 7 November 2022, daripada <http://www.maidam.gov.my/index.php/ms/profil/objektif>
- MAIDAM. (t.t). *Sejarah penubuhan*. Diakses pada 7 November 2022, daripada <http://www.maidam.gov.my/index.php/ms/profil/sejarah-penubuhan>
- al-Mawardi, Abi al-Hasan Ali bin Muhammad al-Basri. 2006. *Al-Ahkam al-Sultaniyyah*. Al-Kaherah: Darul Hadith.
- Muhammad Assyifaa Ulhayat Jahidin. et.al. 2021. Pengurusan Baitulmal pada Zaman Rasulullah SAW dan Pemerintahan Khulafa ar-Rashidin, dalam *Jurnal al-Sirat*, Bil.19, Vol.2, pp. 103-111.
- al-Nawawi, Abu Zakariya Yahya Ibn Sharaf. 1992. *Rawdat al-talibin wa 'umdat al-muftiyyin*. Jil.5. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Noor Anita binti Ab. Samad. 2004. 'Baitulmal in Terengganu and its contributions for Islamic da'wah'. Latihan Ilmiah Sarjana Muda Dakwah dan Pengurusan Islam (tidak diterbitkan), Kuala Lumpur: Kolej Universiti Islam Malaysia.
- al-Sabuni, Muhammad 'Ali. (1989). *Al-Mawarith fi al-Shari'ah al-Islamiyyah 'ala Dau'ie al-Kitab wa al-Sunnah*, Damascus: Dar al-Qalam.
- Sulaiman bin al-Asyath, Abu Daud as-Sijistani al-Azadi. 1969. *Sunan Abi Daud*, Syria: Dar al-Hadith.
- Syed Muhammad Naguib al-Attas. (1984). *The Correct Date of The Terengganu Inscription*. Kuala Lumpur: Museum Department, States Old Malaya.
- Syeikh Abdullah Bin Muhammad Basmeih. 2001. *Tafsir Pimpinan Ar Rahman Kepada Pengertian Al-Quran*. Darul Fikir: Kuala Lumpur.
- Tuan Ruhani bte. Tuan Shariff. 1984/85. Pentadbiran Agama Islam di Terengganu dari Tahun 1911 hingga 1930-an, dalam *Jurnal Jebat* 13, pp. 119 – 148.
- Undang-Undang Malaysia, Perlembagaan Persekutuan 1957 (Akta 1260/2006) Pindaan 2006.
- Zukifli Mohamad al-Bakri. 2011. *Pengurusan Harta Puaka dalam Fiqh Syafi'i*. Kuala Lumpur: IBFIM